



PENULISAN KREATIF MEDIUM PERKONGSIAN PENGALAMAN DAN IKTIBAR KEHIDUPAN

CREATIVE WRITING MEDIUM EXPERIENCE SHARING AND LIFE EXPERIENCE

Nadiyah Hashim^{1*}, Muhammad Danish Rif'qi Lukman², Noor Azura Zainuddin³, Syaimak Ismail⁴, Zuraimy Ali⁵, Solihah Haji Yahya Zikri⁶

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Perlis
Email: nadiyah@uitm.edu.my

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Perlis
Email: 2022239156@student.uitm.edu.my

³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Perlis
Email: noorazura@uitm.edu.my

⁴ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Perlis
Email: syaimak@uitm.edu.my

⁵ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Perlis
Email:zuraimy@uitm.edu.my

⁶ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Perlis
Email: solihah86@uitm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 18.04.2024

Revised date: 13.05.2024

Accepted date: 15.06.2024

Published date: 30.06.2024

To cite this document:

Hashim, N., Lukman, M. D. R., Zainuddin, N. A., Ismail, S., Ali, Z., & Zikri, S. H. Y. (2024). Penulisan Kreatif Medium Perkongsian Pengalaman Dan Iktibar Kehidupan. *International Journal of Law, Government and Communication*.

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

Abstrak:

Kajian ini akan meninjau penulisan kreatif karya warga UiTM sendiri yang telah dikumpulkan kepada 3 genre yang berbeza iaitu genre puisi, cerpen dan anekdot/ memoir. Projek ini adalah anjuran RIG SUKMA (Suara Kreatif Madani) UiTM Perlis bermula tahun 2020 dan telah diterbitkan oleh UiTM Press pada 2022. kajian terhadap kajian lepas adalah untuk mengenalpasti kelebihan penulisan yang baik kepada diri penulis dan kepada pembaca kemudiannya barulah kajian ini menganalisis penulisan yang telah diterbitkan oleh SUKMA (2022) samada ia sekadar rekaan atau merupakan pengalaman sendiri. Pengalaman yang dilalui tidak semestinya kesemua manis, yang manis untuk dikongsi, yang pahit untuk sama-sama menjauhi. Penelitian ini adalah mengambil kira analisis karya-karya tersebut daripada aspek perkongsian pengalaman dan pengajaran. Dapatkan kajian mendapati penulisan yang baik bukan sahaja dapat memberi pulangan yang baik dari sudut kecerdasan fikiran,

Government and Communication, 9 (36), 169-176.

DOI: 10.35631/IJLGC.936013

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



ketenangan emosi, terapi penulisnya namun turut dapat mempengaruhi pembaca.

Kata Kunci:

Anekdot, Cerpen, Penulisan Kreatif, Perkongsian Pengalaman, Puisi

Abstract:

The study will review the creative writing by members of Universiti Teknologi MARA (UiTM), which has been categorized into three genres: poetry, short stories, and anecdotes/memoirs. This project is organized by the Research Interest Group Suara Kreatif Madani (RIG SUKMA) of UiTM Perlis, starting from 2020, and has been published by UiTM Press in 2022. The aim of this study is to identify the benefits of good writing for both the writer and the reader. Additionally, the study analyzes whether the writing published by SUKMA (2022) is purely fiction or based on personal experiences. The research takes into account the analysis of these works from the perspective of sharing experiences and teaching. The findings indicate that good writing not only provides mental intelligence and emotional calmness for the writer but also influences the reader.

Keywords:

Anecdotes, Creative Writing, Experience Sharing, Poetry, Short Stories

Pengenalan

Penulisan sastera ialah satu nukilan daripada jiwa dan pemikiran penulis, ia disokong oleh Yulianti (2020) yang menyatakan karya sastera ditulis berdasarkan kenyataan atau hal yang pernah dialami baik dari pengalaman, perasaan dan pemikirannya.

Projek Penulisan Dan Penerbitan Tiga Buah Buku Antologi Penulisan Kreatif 2021 adalah merupakan inisiatif RIG Suara Kreatif Madani (SuKMa), Akademi Pengajian Islam Kontemporari dengan kerjasama Unit UiTM Press, Bahagian Penyelidikan Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni, UiTM Cawangan Perlis. Projek penulisan ini bermula pada Januari 2021 sehingga April 2021 dan penerbitan adalah melalui Penerbit UiTM. Projek ini merupakan satu inisiatif bagi menggalakkan proses penyampaian ilmu dan nasihat melalui penulisan kreatif oleh para ilmuwan dan cendekiawan dalam kalangan warga UiTM termasuk Alumni UiTM. Projek penulisan dan penerbitan ini terbahagi kepada 3 kategori utama iaitu Antologi Anekdot/ Memoir, Antologi Cerpen dan Antologi Puisi.

Penulisan ini akan melihat kelebihan penulisan kreatif kepada diri penulis dan kepada pembaca kemudian barulah kajian ini menganalisis penulisan yang telah diterbitkan oleh SUKMA (2022).

Kajian Literatur

Penulisan kreatif ialah satu inisiatif luahan rasa dan pengalaman, ia juga adalah cara untuk mengenali diri sendiri dan lebih memahami kehidupan (Forsell 2021). Penulisan beliau juga

(2019) menjelaskan bahawa penulisan kreatif merupakan cara seseorang menghargai diri sendiri dan menikmati yang lain.

Kebetulan projek ini bersempena negara kita dilanda wabak Covid-19, jadi ia juga merupakan salah satu bentuk luahan perasaan secara kreatif apakah pengalaman dan cerita yang masing-masing hadapi ketika menerima kejutan wabak ini. Antologi Anekdot/Memoir mengambil tema UiTM di Hatiku membuka ruang dan peluang warga UiTM untuk mencurahkan segala rasa. Antologi Puisi membawa tema Rencah Rasa Kampus, manakala Antologi Cerpen membawa tema Rencah Rasa Pandemik.

Kajian Sualman (2023), menyebut akibat daripada wabak Covid-19, sebahagian industri ditutup dan terjejas kerana perkenalan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kajian beliau bertujuan untuk mengkaji kesan Covid-19 terhadap industri kreatif di Malaysia. Kajian kualitatif melalui perbincangan kumpulan fokus di Lembah Klang dan mendapat mengalami kemerosotan dan perlukan bantuan kerajaan.

Bagi penulis, yang terjejas adalah sektor jualan dan pemasaran, idea kreatif tidak pernah terjejas malah ia makin berkembang. Oleh kerana itu projek penulisan SUKMA walaupun ulung kali dianjurkan mendapat sambutan hangat. Penulis percaya ia adalah satu terapi buat semua yang menyertai dan pandangan ini disokong oleh penulisan Haertl, K., & Ero-Phillips, A. (2019).

Metodologi

Kaedah penyelidikan yang dijalankan ialah kajian perpustakaan dan kajian analisis kualitatif yang akan menghuraikan maksud yang hendak disampaikan oleh penulis dalam karya mereka. Pengkaji meninjau kajian-kajian lepas untuk mendapatkan sokongan keuntungan penulisan kreatif kepada penulis dan pengkaji juga meninjau kesan pembacaan yang baik kepada pembaca. Seterusnya pengkaji juga menganalisis tiga buku antologi secara analisis kandungan yang akan menghuraikan apakah pengalaman dan iktibar yang pengkaji dapat daripada karya yang dihasilkan.

Objektif 1: Kajian Perpustakaan

Objektif 2: Kajian Perpustakaan

Objektif 3: Kajian Analisis Kandungan

Dapatkan Kajian dan Perbincangan

Berikut merupakan dapatan kajian berdasarkan objektif.

Kelebihan Penulisan Kreatif kepada Penulis (Objektif 1)

Kajian Gocen (2019) terhadap 630 pelajar juga membuktikan penulisan kreatif memberikan kesan peningkatan pada kebijaksanaan, sikap dan bermotivasi.

Pandangan Tsatsou-Nikolouli, S. (2023) menyebut penulisan kreatif ini akan membantu pembinaan kecerdasan kreatif dalam kalangan pembaca. Keupayaan untuk berimajinasi, melahirkan pelbagai emosi akan membantu proses pemikiran menjadi lebih kreatif. Forsell, J., Nyholm, L., & Koskinen, C. (2021) pula menyokong penulisan kreatif dapat membantu manusia untuk menangani perubahan dalam kehidupan. Amzar Mirwi (2022) pula menambah dengan

menyatakan peranan penulis tidaklah semata menyampaikan dan menceritakan tetapi perlu ada nilai didikan dan ia tidak harus lari dari ajaran agama.

Kelebihan Penulisan Kreatif kepada Pembaca (Objektif 2)

Kajian Dora (2021) juga membuktikan bacaan merupakan salah satu bentuk cara sembuhannya kepada pesalah juvana dengan cara menjaga tabiat pembacaan dan kawalan bahan bacaan.

Kajian Rafi (2021) membuktikan bahawa pembacaan memberi pengaruh besar kepada pembaca. Kesan sikap 63 pelajarnya bergantung kepada bahan bacaan yang diberikan. Ia disokong Fatimah (2021) kajian Toar (2022) dan Bozgün, K., & Akın-Kösterelioğlu, M. (2021) bahawa ada hubungan antara sikap dan perkembangan pelajar dengan apa yang menjadi bahan bacaan mereka. Malah dalam kajian Bozgün, K., & Akın-Kösterelioğlu, M. (2021) menyebut pengalaman sosial pembaca juga meningkat dengan pembacaan yang baik.

Analisis Kandungan Tiga Antologi Selenggaraan RIG SUKMA (Objektif 3)

Berikut merupakan beberapa analisis yang penulis hanya mengambil tiga hingga lima karya dalam sesebuah antologi sebagai kupasan di dalam kajian ini.

Antologi Puisi

79 karya puisi hasil luahan penulis serata UiTM untuk santapan pembaca semua. ada yang manis lemak, ada yang tawar tetapi berbisa, ada yang masin tetapi mampu buat kita menguntum senyuman. malah ada yang membuat kita terkenang kenangan lama.

Che Latifah Ismail (2022) menulis puisi hati Guru Tua Bakal Bersara pengalaman mengajar di UiTM dari papan hitam sehingga ke google meet. Tempoh perkhidmatan yang panjang yang membuatkan beliau telah melalui berbagai corak pengajaran. puisi ini sangat bagus dijadikan panduan pada pensyarah baru yang hendak mendalami selok belok pengajaran di UiTM.

Seorang pelajar juga mengutarakan pandangan beliau yang digarap dengan cara kreatif. Hikayat Mahasiswa Cerdik karangan Ain Shamila Abd Razak (2022) yang turut mengakui dalam karyanya ia adalah satu kritikan pimpinan mahasiswa. beliau menukilkan:

“penulis mengkritik pemimpin mahasiswa yang miskin sifat kepimpinan namun ego untuk belajar lalu ia memimpin kampus dengan nafsu keegoisannya.”

Surina Nayan (2022) juga menceritakan dari pelajar akhirnya menjadi pasangan hidup. Satu pengalaman yang digarap dalam bentuk puisi pastinya buatkan kita tersenyum membacanya.

Seorang mahasiswa Muhammad Hamidee bin Redzuan dalam karya Luahan Rencah Siswa Kampus (2022) juga turut menjelaskan keperitan hidup mahasiswa yang dilihat manis di luar tapi tidak cukup 24 jam terpaksa laksanakan pelbagai urusan. Beliau juga menceritakan ada yang keperitan wang dan terpaksa bekerja separuh masa.

Shahrir Aizat bin Kamaruddin (2022) berseloka kehidupan beliau sebagai pensyarah di kampus Arau. Cukup membaca selokanya, bagaikan terlukis keseluruhan bangunan dan warga kampus atas canvasnya.

Antologi Anekdot/Memoir

55 karya anekdot/memoir garapan penulis-penulis UiTM. ia merupakan hamparan 1001 bebenang cerita yang disulam 1001 warna tawa, air mata dan dihiasi manik-manik harapan dan doa buat semua warga UiTM.

“Sidi oh.. Sidi” karangan Faizah Mohamad (2022) merupakan pengalaman seorang pensyarah BEL260 yang terpaksa berhadapan dengan seorang pelajar yang amat lemah. pelajar itu gagal, tapi bangkit kembali, dan gagal lagi, dan gagal lagi. bagaimana pensyarah ini membuat kelas tambahan asing khas untuk pelajar yang telah gagal 3 kali dan akhirnya pelajar itu terus bangkit, berusaha dan berjaya. Pelajar itu pasti tidak akan melupakan pensyarah itu seperti pensyarah itu yang sangat mengingati pelajar berkenaan hingga beliau mengabadikannya dalam penulisan ini.

Nursyuhada Azzman (2022) berkongsi pengalaman yang sangat unik dalam karyanya Saya, Covid-19 dan Steroid. Penulis menceritakan sendiri pengalaman beliau yang perlu mengambil steroid. Beliau memberi nasihat apakah kesan sampingan dan apakah yang perlu dilakukan. Fasa awal, fasa penolakan sehingga fasa kesembuhan setiap satu diceritakan dengan terperinci. Penulis juga turut sertakan gambar yang dapat menjadi rujukan pembaca. pengalaman yang cukup mahal dan amat berharga untuk pembaca hargainya.

Eliy Nazira Md Nazir (2022) pula menukilkan pengalaman sebagai seorang anxiety disorder. Ia merupakan satu cabaran yang perlu dihadapi beliau terutama apabila sakit itu menyerang tiba-tiba. Penulis menceritakan beliau ketika di tahun akhir pengajian selalu tidak hadir ke kelas kerana takut diserang penyakit itu. Setelah melaporkan diri sebagai staf UiTM, beliau rasa sangat tertekan dengan serba serbi baru dan serangan panik sering menyingsing. Sakit ini menjadikan beliau seorang yang overthinking. Setelah berusaha pelbagai cara, beliau menemui jalan kesembuhan untuk dirinya iaitu beliau sendiri yang perlu ubah cara berfikir. Penulis bertindak menerima sakit itu dan mendalami ilmu mengenainya. Semakin lama semakin faham dan secara semulajadi penulis sudah boleh kawal ara pemikiran supaya tidak mudah panik dan lebih positif.

Karya Suatu hari Aku Dijangkiti Cinta karangan Asyiqin Adir (2022) pula menceritakan bagaimana COVID-19 membuatkan beliau dijangkiti cinta. Penulis yang tidak pernah suka bercucuk tanam akhirnya jatuh cinta dengan tanaman. Satu pengalaman yang lucu tapi mendatangkan kesan yang sangat positif kepada penulis sendiri. Tahap cinta penulis, sehingga masa mengajar pun terbayang wajah pokok-pokoknya!

Tiada Seindah Hasilnya daripada Bersifat Sabar merupakan karya Nadiah Diyana Tan Abdullah (2022) yang menerangkan perjalanan beliau ketika awal-awal memeluk agama Islam. Tentangan keluarga yang dihadapi terutama ayahnya tidak melunturkan cintanya terhadap agama. Berkat kesabaran, ayahnya sudah dapat menerima dirinya, suami dan anak-anaknya.

Antologi Cerpen

20 karya cerpen karangan penulis-penulis UiTM membicarakan tentang renyah rasa pandemik yang telah mereka hadapi. Setiap cerpen membawa nada berbeza. Imagination penulis pastinya berdasarkan pengalaman dan rasa dalaman yang mahu dikongsikan bersama pembaca.

Karya Muhammad Firdaus Zulkifli (2022) bertajuk Sehari dalam Kehidupan Pelajar Kejururawatan UiTM ketika Pandemik 2020 mengisahkan mengenai pengalaman beliau setelah melalui Perintah Kawalan Pergerakan 2020 dan kembali keluar bertugas. Betapa kekoknya beliau melihat suasana masyarakat yang masih lagi terkejut dengan wabak. Beliau menceritakan bagaimana beliau terpaksa mengambil masa 30 minit untuk melakukan prosedur pemeriksaan fizikal ke atas bayi berumur enam bulan dan imunisasi hepatitis B dos ketiga. Beliau juga menggarapkan dengan baik bagaimana perasaan beliau yang rindukan suasana sebelum wabak yang tenang tanpa sebarang penutup muka, kedai dibuka tiada had dan kebebasan jarak antara satu sama lain. Penulis telah menulis dalam karyanya:

“aku akui, cerita ini bukanlah cerita yang menyeronokkan seperti di dalam drama. hakikatnya, hidup ini ada suka dan duka. tidak sempurna sebagaimana yang ditayangkan di dalam televisyen. Cerpen ini ditulis sekadar untuk berkongsi dengan orang ramai tentang rutin harian seorang pelajar kejururawatan.”

Karya Positifkah Aku karangan Mohd Rizman (2022) pula menceritakan pengalaman dari sudut pandang seorang pelajar yang terkandas di kolej ketika Perintah Kawalan Pergerakan Pertama. Tiket bas habis, malah tiket keretapi bagi arah perjalanan yang sama juga habis. Cerpen ini menceritakan pengalaman mahasiswa yang terkandas di kampus dan hanya mengharapkan ihsan pengurusan kampus dalam soal keselamatan, makan minum dan sebagainya. Di sebalik musibah itu, penulis kembali membawa nilai positif dengan merungkai hikmah mereka terkandas dengan dapat menikmati ramadan dengan sebaik mungkin tanpa tinggal solat tarawih. Penulis juga memuji pengurusan UiTM yang cekap menangani situasi gamat sedemikian tanpa pengabaian kebijakan kepada pelajar. malah urusan pemulangan pelajar-pelajar ke kampung masing-masing juga telah diuruskan sebelum Aidilfitri.

Jamalia Aurani (2022) dalam karyanya Bangkit Setelah Lumpuh, Allah Sayang Kamu juga walaupun diolah dalam bentuk cerpen tapi beliau mengakui ini adalah pengalaman sebenar beliau dengan salah seorang pelajarnya. Pelajar beliau mengadu telah melalui kehidupan yang kelam dan kemudian beliau membantu membimbang agak jangan putus asa dari rahmat Allah dan tetap teruskan kehidupan dengan positif.

	Penulis	Pembaca
Kelebihan penulisan kreatif	<p>terapi</p> <p>luahan perasaan</p> <p>tingkatkan daya kreativiti</p> <p>bermotivasi</p> <p>cipta kenangan</p> <p>ilmu yang berpanjangan</p>	<p>terapi</p> <p>simpati/empati</p> <p>tingkatkan daya kreativiti</p> <p>bermotivasi</p> <p>mengambil iktibar</p> <p>menambah ilmu/mengamalkan ilmu</p>

Kesimpulan

Berdasarkan beberapa analisis yang telah penulisan dalam tiga antologi di atas, ramai penulis yang menjadikan penulisan sebagai satu jalan menceritakan pengalaman dan luahan rasa. Ia sekaligus dapat dijadikan iktibar dalam kehidupan. Penulisan yang baik adalah ilmu yang bermanfaat. Penulis mungkin tidak lama hidupnya tapi tulisan akan hidup selagi ia dicari dan diguna pakai. Secara keseluruhan ketiga objektif tercapai dan kita dapat melihat penulisan kreatif memberi impak yang baik kepada penulis dan pembacanya. Karya-karya yang terdapat di dalam tiga antologi selenggaraan RIG SUKMA juga telah mencapai tujuan tersebut dan menghasilkan reaksi positif dalam kalangan pembaca.

Kajian berterusan ini boleh dilakukan dengan menemubual penulis-penulis sendiri dan hubungkaikan dengan dapatan daripada pembaca hasil pembacaan karya mereka.

Penghargaan

Penulis mengucapkan ribuan terima kasih kepada mak abah, suami dan anak-anak, tidak lupa Ketua Pusat Pengajian dan sahabat-sahabat yang memberi ruang dan peluang serta sokongan sepenuhnya dalam penulisan ilmiah ini.

Rujukan

- Ain Shamila Abd Razak (2022). Hikayat Mahasiswa Cerdik. Antologi Puisi Rencah Rasa Kampus. *Shah Alam: Penerbit UiTM Press.*
- Amzar Mirwi, 2022. Peranan Dan Etika Sasterawan Dalam Pengkaryaan Berteraskan Islam : Sorotan Pandanan Ahli Tafsir Berdasarkan Surah Al-Shua'ra. *International Conference on Malay, Arabic and English Literature (ICMAEL 2022)*, retrieved from https://www.academia.edu/90677146/Peranan_Dan_Etika_Sasterawan_Dalam_Pengkaryaan_Berteraskan_Islam_Sorotan_Pandanan_Ahli_Tafsir_Berdasarkan_Surah_Al_Shua_r_a_.
- Asyiqin Adir (2022). Suatu hari Aku Dijangkiti Cinta. Antologi Anekdot/Memoir UiTM di Hatiku. *Shah Alam: Penerbit UiTM Press.*
- Che Latifah bt Ismail (2022) Hati Guru Tua Bakal Pesara. Antologi Puisi Rencah Rasa Kampus. *Shah Alam: Penerbit UiTM Press.*
- Dora, D., & Balasubramanian, P. (2021). Factors Determining the Minds of Juvenile Based on Improved Reading Habits. *Asian Journal of Information Science and Technology*. <https://doi.org/10.51983/ajist-2021.11.2.2915>.
- Eliy Nazira Md Nazir (2022) Aku dan Anxiety Disorder. Antologi Anekdot/Memoir UiTM di Hatiku. *Shah Alam: Penerbit UiTM Press.*
- Faizah Mohamad (2022). Sidi Oh... Sidi. Antologi Anekdot/Memoir UiTM di Hatiku. *Shah Alam: Penerbit UiTM Press.*
- Forsell, J., Nyholm, L., & Koskinen, C. (2019). Caring in Creative Writing—A Case Study. *International Journal for Human Caring*, 23, 100 - 91. <https://doi.org/10.20467/1091-5710.23.1.91>.
- Forsell, J., Nyholm, L., & Koskinen, C. (2021). A Caring Science Study About The Understanding Of Life And Creative Writing. *Journal Of Poetry Therapy*, 34, 256 - 266. <https://doi.org/10.1080/08893675.2021.1951904>.

- Göçen, G. (2019). The Effect Of Creative Writing Activities On Elementary School Students' Creative Writing Achievement, Writing Attitude And Motivation. *Journal of Language and Linguistic Studies*, 15(3), 1032-1044.
- Haertl, K., & Ero-Phillips, A. (2019). The Healing Properties Of Writing For Persons With Mental Health Conditions. *Arts & Health*, 11, 15 - 25. <https://doi.org/10.1080/17533015.2017.1413400>.
- Jamalia Aurani (2022). Bangkit Setelah Lumpuh, Allah Sayang Kamu. Antologi Cerpen Renyah Rasa Pandemik. *Shah Alam: Penerbit UiTM Press*.
- Bozgün, K., & Akın-Kösterelioğlu, M. (2021). The Roles of Social-Emotional Development, Academic Grit and Subjective Well-Being in Primary School Students' Reading-Writing Motivation. *Reading Psychology*, 42, 836 - 857. <https://doi.org/10.1080/02702711.2021.1955782>.
- Mohd Rizman (2022) Positifkah Aku. Antologi Cerpen Renyah Rasa Pandemik. *Shah Alam: Penerbit UiTM Press*.
- Muhammad Firdaus Zulkifli (2022). Sehari dalam Kehidupan Pelajar Kejururawatan UiTM. Antologi Cerpen Renyah Rasa Pandemik. *Shah Alam: Penerbit UiTM Press*.
- Muhammad Hamidee bin Redzuan (2022). Luahan Renyah Siswa Kampus. Antologi Cerpen Renyah Rasa Pandemik. *Shah Alam: Penerbit UiTM Press*.
- Nadiah Diyana Tan Abdullah (2022). Tiada Seindah Hasilnya daripada Bersifat Sabar. Antologi Anekdot/Memoir UiTM di Hatiku. *Shah Alam: Penerbit UiTM Press*.
- Nursyuhada Azzman (2022) Saya, Covid-19 dan Steroid. Antologi Anekdot/Memoir UiTM di Hatiku. *Shah Alam: Penerbit UiTM Press*.
- Rafi, M., Islam, A., & Cahyani, D. (2021). The Relationship Between Students' Reading Attitude With The Result Of Reading Comprehension. *Journal of Languages and Language Teaching*. <https://doi.org/10.33394/jollt.v9i4.4008>.
- Shahrir Aizat bin Kamaruddin (2022). Seloka Pungguk Tak Rindu Bulan. Antologi Puisi Renyah Rasa Kampus. *Shah Alam: Penerbit UiTM Press*.
- Sualman, I. (2023). Kesan Dan Potensi Industri Kreatif Pasca Covid-19: Perbincangan Kumpulan Fokus (The Impact and Potential of the Post-COVID-19 Creative Industry: Focus Group Discussions). *Journal of Creative Industry and Sustainable Culture*, 2, 112–130. <https://doi.org/10.32890/jcisc2023.2.8>
- Surina Nayan (2022). Aku, Dia dan UiTM. Antologi Cerpen Renyah Rasa Pandemik. *Shah Alam: Penerbit UiTM Press*.
- Tisa, F., Sofendi, S., & Eryansyah, E. (2021). Reading and its relationships among attitude, motivation, and comprehension achievement in upper secondary school students. *JEES (Journal of English Educators Society)*, 6(1), 42–51. <https://doi.org/10.21070/jees.v6i1.751>.
- Tsatsou-Nikolouli, S. (2023). Creative Intelligence And Creative Writing. *Journal Plus Education*. <https://doi.org/10.24250/jpe/2/2023/stn/>.
- Toar, D., & Bram, B. (2022). Impacts of English Reading Attitudes on L2 Achievements. *Indonesian Journal of EFL and Linguistics*. <https://doi.org/10.21462/ijefl.v7i1.448>.
- Yulianti, S., Aslamiyah, S., & Rodiyah, K. (2020). Masalah-Masalah Sosial dalam Novel Lelaki Harimau karya Eka Kurniawan dalam Pembelajaran Bahasa Indonesia. *Prosiding Samasta: Seminar Nasional Bahasa dan Sastra Indonesia*, 1–7.